

TARIKH	24 /1 /2017	SEKSYEN	MEGA MIMBAR
MUKA SURAT	24	RUANGAN	3

# Tabung Rohingya dapat sambutan

## *peristiwa*

TERNYATA penderitaan dihadapi etnik Rohingya mendapat perhatian masyarakat khususnya umat Islam negara ini menerusi sambutan menggalakkan daripada tabung khas yang dilancarkan.

Antaranya, Masjid Negeri Perak, Ipoh, baru-baru ini berjaya mengutip sumbangan daripada jemaah masjid seluruh negeri itu sejak tiga minggu lalu berjumlah RM174,732.

Imam Besar masjid berkenaan, **Abdul Farid Salleh** berkata, kutipan yang menyasarkan jemaah pada solat Jumaat itu mengumpulkan sebanyak RM150,892 pada minggu pertama dan kedua, manakala sebanyak RM23,840 pada minggu ketiga.

Beliau berkata, semua jumlah terkumpul telah diserahkan kepada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), baru-baru ini.

Tambahnya, tidak terhenti di situ, kutipan diteruskan pula dengan mengumpul dana bantuan rakyat Syria yang turut membabitkan seluruh masjid negeri Perak.

"Kami menyasarkan sejumlah RM100,000 akan dikutip dalam tempoh




beberapa minggu akan datang," katanya ketika ditemui di Masjid Negeri Perak di Ipoh, baru-baru ini.

Abdul Farid berkata, bagi memberi kesedaran orang ramai mengenai penderitaan rakyat Syria, Yayasan Khairat Turki di Masjid Negeri Perak, Ipoh bakal mengadakan ceramah Solidariti Untuk Syria dalam tempoh terdekat.

"Kita berharap pemimpin di 623 masjid yang ada di Perak dapat memberikan fokus terhadap kutipan ini di samping menggerakkan usaha murni berkenaan bersama-sama," katanya.

TARIKH	24 / 11 / 2017	SEKSYEN	MEGA MIMBAR
MUKA SURAT	24	RUANGAN	3



**ABDUL FARID SALLEH** (kanan) menyampaikan kutipan berjumlah RM23,840 kepada Timbalan Presiden Mapim, Zulkifly Ibrahim di Ipoh, Perak, baru-baru ini.